

'Ada sebab polisi untungkan taikun'

Dr M dedah dasar fiskal kerajaan untuk atasi kemelut kewangan pada 1997 hingga 1998

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pendekatan kerajaan merangka dasar fiskal dengan melindungi taikun demi mengatasi kemelut kewangan pada 1997 hingga 1998, adalah bersandarkan matlamat mengekalkan kepentingan negara.

Menjelaskan perkara berkenaan, Tun Dr Mahathir Mohamad yang menerajui tampuk pemerintahan negara pada masa itu mengambil sikap terbuka dengan

mengakui beliau terbabit menggubal pendekatan berkenaan.

"Saya minta maaf kerana tindakan saya mengatasi krisis kewangan 1997-1998 menguntungkan taikun," kata Perdana Menteri menerusi catatan terbaru di blog rasminya, *Chedet.cc*, semalam.

Krisis kewangan Asia yang bermula Thailand pada 1997 memberi kesan terhadap mata wang, bursa saham dan harga aset di beberapa negara Asia. Malaysia turut terkesan akibat kegawatan ekonomi berkenaan.

Mengakui beliau terbabit dengan ciptaan pendekatan untuk mengatasi masalah kewangan pada tahun itu, Dr Mahathir berkata, ia percaturan yang sukar ketika itu namun terpaksa diam-bil.


Ini katanya, bagi memastikan aspek pembangunan dan operasi negara ketika mengharungi kemelut kewangan tidak terjejas, sekali gus mengekalkan faktor peluang pekerjaan serta penjanaan fiskal.

"Ya, memang pun cara kita selesaikan krisis menolong taikun di Malaysia. Memanglah baik jika kita tidak menolong taikun dan biarkan mereka serta perniagaan mereka rugi, gagal dan terpaksa ditutup.

"Dengan ini, semua kakitangan mereka (yang kaya dan tidak kaya) akan menganggur. Eksport kita akan menurun dan tidak akan ada pengaliran wang asing ke dalam negara kita.

"Kerajaan pula akan hilang cukai korporat dan cukai pendapatan kerana sebahagian besar cukai dibayar oleh taikun. Sebahagian besar daripada dana kerajaan akan hilang, manakala operasi serta pembangunan negara tidak dapat diteruskan. Segala infrastruktur tidak dapat dibangunkan," katanya.

Mengimbu waktu 70 tahun lalu, Perdana Menteri berkata, taikun dibunuh dan harta mereka dirampas di beberapa negara oleh pemerintah dengan harapan un-



'Ya, memang pun cara kita selesaikan krisis menolong taikun di Malaysia. Memanglah baik jika kita tidak menolong taikun dan biarkan mereka serta perniagaan mereka rugi, gagal dan terpaksa ditutup.'

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

tuk mengaut 100 peratus keuntungan.

"Jika kita hendak, kita boleh halau keluar semua taikun ini. Jangan tolong mereka. Biar mereka bankrap. Kita akan tolong yang bukan taikun sahaja.

"Tetapi dengan apakah yang kita hendak tolong bukan taikun ini selepas semua taikun tidak dapat

bayar cukai. Itu soalnya?" katanya.

Bagaimanapun, tegasnya, Malaysia tidak mengikuti jejak langkah negara terbabit kerana tindakan menghalau keluar semua taikun dan mengakibatkan mereka 'gulung tikar', bakal men-cetuskan rantaian impak negatif.